

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian ingin membantu golongan graduan untuk terlibat dalam pertanian moden seperti tanaman fertigasi, nanoteknologi dan kaedah moden yang lain seperti hidroponik. Dengan cara ini, sekali gus membantu golongan pelajar mendapatkan pendapatan dan membekalkan bekalan makanan kepada masyarakat setempat.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa peka dan bersedia untuk membantu golongan graduan melibatkan diri dalam sektor agromakanan. Pelbagai inisiatif dan program telah disediakan untuk memperkasa golongan graduan di dalam pertanian moden seperti tanaman fertigasi, nanoteknologi dan hidroponik. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut:

1) Perluasan skop Program Agropreneur Muda di bawah bidang tanaman meliputi sistem fertigasi, tanaman hidroponik, akuaponik dan penggunaan agroteknologi. Pada **tahun 2016 hingga 2020**, seramai **898 orang belia** telah mendapat kelulusan Geran Agropreneur Muda bagi

menjalankan **projek-projek fertigasi** berjumlah **RM 16.3 juta**. Manakala bagi **projek-projek hidroponik dan akuaponik**, Kementerian telah meluluskan perluasan skop tersebut mulai Jun 2020.

Bagi pencapaian keseluruhan dari tahun **2016 sehingga Jun 2020**, seramai **6,005** orang peserta agropreneur muda dari seluruh negara telah mendapat manfaat daripada Geran Agropreneur Muda yang melibatkan peruntukan **RM104 juta**. Jumlah pembiayaan khas agropreneur muda (pinjaman) pula adalah seramai **58** usahawan berjumlah **RM3.9 juta** dari **tahun 2017 hingga Mei 2020**.

2) Kementerian juga telah melaksanakan **Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK)** di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program PLKPK yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) ini menawarkan pembelajaran di peringkat **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)** dan **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)** yang merangkumi sembilan (9) bidang. Antaranya tanaman, ruminan, akuakultur, teknologi penangkapan ikan dan pemasaran.

Dari tahun 1969 sehingga tahun 2019, seramai **19,565 orang graduan** telah berjaya dilahirkan. **Penggunaan teknologi moden** dalam pertanian merupakan di antara silibus pembelajaran yang digunapakai dalam PLKPK seperti tanaman **cili fertigasi, hidroponik**, penggunaan simulasi elektronik dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.